



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

29 Januari 2016 / 19 Rabiul Akhir 1437H

Nilai-Nilai Mulia Sebagai Benteng Diri

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ بَشِيرًا وَنَذِيرًا
وَدَاعِيًا إِلَى اللَّهِ بِإِذْنِهِ وَسِرَاجًا مُنِيرًا وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ
وَصَفِيُّ اللَّهِ مِنْ خَلْقِهِ وَحَبِيبُهُ إِمَامُ الْأَنْبِيَاءِ وَسَيِّدُ الْمُرْسَلِينَ اللَّهُمَّ
صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ

Sidang jemaah yang dihormati sekalian,

Bertakwalah kita kepada Allah s.w.t. Teruskanlah mengabdikan diri kepadaNya dengan melaksanakan segala perintahNya dan menjauhi segala tegahanNya. Hasilah kehidupan kita dengan nilai-nilai murni yang diajarkan Islam. Semoga Allah s.w.t. menerima dan sentiasa mengampunkan kita semua.

Saudara sekalian,

Sepanjang bulan ini, mimbar telah membentangkan tentang nilai kemaafan. Ini dengan harapan agar kita dapat memupuk

jiwa yang pemaaf; jiwa yang dapat mengawal dan menundukkan hawa nafsu dan emosi; jiwa yang cinta kepada kesejahteraan serta menghargai keamanan hubungan sesama manusia.

Nabi Muhammad s.a.w. bersabda di dalam hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a.:

لَيْسَ الشَّدِيدُ بِالصُّرْعَةِ، إِنَّمَا الشَّدِيدُ الَّذِي يَمْلِكُ نَفْسَهُ عِنْدَ الْغَضَبِ

Yang bermaksud: “Orang yang gagah bukanlah dengan hebatnya bertinju. Tetapi orang yang gagah ialah seseorang yang mengawal dirinya tatkala marah.” [Hadith riwayat al-Bukhari dan Muslim]

Saudara sekalian,

Marilah kita benar-benar menghayati nilai-nilai murni yang diajarkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. Kita harus menjadikan nilai-nilai ini dasar dan asas kehidupan keagamaan kita. Nilai seperti kemaafan seharusnya membentuk keperibadian Muslim kita. Matlamat dan tujuan kita adalah agar kita mencontohi keperibadian Nabi Muhammad s.a.w. yang dimuliakan Allah s.w.t. di dalam Al-Quran dengan firmanNya:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٤﴾

Yang bermaksud: “Sesungguhnya kamu (Wahai Nabi) berada di atas akhlak yang sangat mulia.” [Surah al-Qalam, ayat 4]

Oleh itu, kita perlu sentiasa mengamati segala tindak-tanduk dan tutur-kata kita. Adakah kita menyakiti orang lain? Adakah kita mengambil hak mereka? Adakah kita menyusahkan urusan mereka? Sedangkan agama kita mengajar sebaliknya. Seperti yang dibentangkan pada khutbah yang lalu, nilai kemaafan terikat dengan sifat keihsanan. Keihsanan membawa kepada kecemerlangan. Tanpanya, kita tidak akan mampu mengorak langkah membentuk umat yang berjaya lagi cemerlang.

Saudara,

Apabila kemaafan dan keihsanan hilang, sifat kekerasan yang akan bermaharajalela. Apabila kekerasan mula berakar di dalam jiwa, maka diri kita juga akan lebih cenderung kepada kebencian. Dan apabila kebencian pula tertanam di dalam sanubari, maka kita akan lebih suka mengasingkan diri dan menolak kepelbagaian. Bila ini berlaku, mudah sahaja ideologi-ideologi keganasan menyerap masuk. Keganasan dan penumpahan darah selanjutnya hanya mendatangkan kehancuran dan kebinasaan. Tanyalah diri kita, saudara-saudara sekalian, adakah kerana ini diutusnya Rasulullah s.a.w.? Adakah dengan tujuan ini diturunkan kitab suci Al-Quran? Adakah atas sebab ini dibina masjid-masjid dan madrasah?

Pastinya tidak, sama-sekali tidak. Jika hari ini, banyak peristiwa yang telah merubah tanggapan manusia terhadap agama kita, maka tanggungjawab kita semakin besar untuk memurnikan

imej agama. Tanggungjawab kita semakin berat untuk memastikan tidak ada anasir-anasir jahat yang dapat menghancurkan masyarakat. Peranan kita yang amat penting sekali kini adalah untuk terus menjadi pemelihara keamanan dan kemakmuran.

Baru-baru ini, beberapa pekerja asing yang terlibat dengan ideologi keganasan telah ditangkap. Sebelumnya, insiden keganasan berlaku di tengah-tengah kesibukan jalanraya di bandar Jakarta. Sebelumnya pula di Istanbul. Pada masa yang sama, kumpulan militan ISIS semakin bertambah kejam dan bertekad menghuru-harakan dunia.

Saudaraku,

Kejadian ini membuktikan kepada kita bahawa ancaman pemikiran ekstrimis dan pengganasan bukanlah satu perkara yang diada-adakan. Ia bukan cerita dongeng atau hiburan. Ia adalah realiti hari ini yang amat mengkhawatirkan masyarakat dunia, dengan implikasi yang besar ke atas semua umat manusia, terutama kita yang beragama Islam.

Jika di antara kita masih ada yang bertanya bagaimana kita boleh berkhidmat untuk agama? Inilah peluang yang Allah sajikan untuk kita. Marilah kita menggembeleng tenaga membangunkan benteng yang kukuh lagi utuh, demi memelihara kemurnian ajaran agama. Peliharalah kesucian ajaran yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. Janganlah kita

membiarkan sebarang anasir yang boleh menggadai kehidupan yang aman lagi membangun di negara ini. Apatah lagi anasir yang bertopengkan agama, yang disaluti dengan ayat-ayat Al-Quran mahupun hadith-hadith yang dipesongkan tafsirannya, demi mengajak kepada kebencian dan pemencilan. Tidak ada orang lain yang dapat memurnikan ajaran Islam dari anasir yang merosakkannya melainkan diri kita sendiri. Kita perlu pertahankan ajaran serta pengamalan agama yang selari dengan realiti kehidupan masakini. Kita perlu menampilkan penghayatan agama yang membina keyakinan umat manusia, bahawa agama kita ini adalah agama yang juga menginginkan pembangunan dan kemakmuran. Bahawa Islam adalah agama yang terus sesuai pada setiap zaman.

Saudaraku,

Inilah di antara cabaran paling utama yang kita hadapi hari ini. Marilah kita terus berusaha dengan lebih gigih untuk menjadi insan yang dapat merubah tanggapan dan persepsi. Caranya mudah. Hayatilah nilai-nilai murni seperti kemaafan. Suburkanlah ia di dalam diri kita dan ahli keluarga. Amalkanlah ia selalu. InshaAllah, kita akan berada lebih hampir kepada jalan yang dibentangkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. dan akan tampak hasilnya pada pandangan manusia.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.